



KETUA PENDAFTAR  
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA  
REGISTRAR GENERAL  
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Department Of Higher Education  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Ministry of Higher Education Malaysia  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

Tel: 603-88706439  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Rujukan kami : JPT/GS 1000-632 ( 11 )

Tarikh : 19 September 2022

## SEMUA KETUA EKSEKUTIF INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

### DASAR PELAKSANAAN TAKWIM PEPERIKSAAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 untuk memupuk dan membentuk individu yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang serta sebagai tanda toleransi dan menghormati antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu, surat makluman Dasar Pelaksanaan Takwim Peperiksaan di Universiti Awam telah dikeluarkan pada 2 September 2022. Surat makluman ini turut dipanjangkan kepada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) untuk diterima pakai berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.
- Semua IPTS adalah dikehendaki menyusun jadual peperiksaan agar **TIADA** peperiksaan dijadualkan pada hari Jumaat, Sabtu, Ahad dan cuti umum.
- Pelaksanaan dasar ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar bagi menunaikan tanggungjawab agama yang jatuh pada hari Jumaat, Sabtu atau Ahad dan meluangkan masa cuti umum bersama keluarga dan rakan.
- Manakala peperiksaan antarabangsa atau badan profesional adalah dikecualikan kerana jadual peperiksaan tersebut ditentukan oleh penyedia peperiksaan pihak luar.



6. Dalam pelaksanaan dasar ini, IPTS masih mengekalkan autonomi dalam meminda jadual Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) supaya mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk aktiviti PdP serta penilaian dan pentaksiran.

7. Semua IPTS adalah dimohon untuk mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' PROF. DR. HUSAINI BIN OMAR)**

**s.k.:**

1. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi
2. Timbalan Ketua Pendaftar  
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
3. Pendaftar  
Bahagian Governan IPTS
4. Pendaftar  
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat
5. Pendaftar  
Bahagian Standard Swasta
6. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi